

13/05/1997

Maju, Lion sepakat (HL)

M Thillinadan; Kamaruddin Mat Akib

GURUN, Isnin - Penswastaan Perwaja Steel Sdn Bhd (Perwaja Steel) akan menyaksikan kerjasama di antara Maju Holdings Sdn Bhd dan Kumpulan Lion sebagai dua pemegang saham utamanya selain Kerajaan Pusat dan Kerajaan Terengganu.

Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad ketika mengumumkannya hari ini berkata, Kumpulan Lion yang sebelum ini dikatakan enggan menyertai penswastaan Perwaja Steel, sebenarnya masih berminat dan akan terbabit dengan pegangan 30 peratus ekuiti, manakala Maju Holdings sebagai penerajunya menguasai 51 peratus saham.

Kerajaan Persekutuan pula akan memegang 14 peratus daripada ekuiti Perwaja Steel, manakala Kerajaan Terengganu pula memiliki baki lima peratus.

"Butiran terperinci pakej penswastaan ini termasuk nilai pelaburan yang perlu dibuat oleh pemegang saham dan pengurusan baru, akan ditentukan oleh Maju Holdings dan Kumpulan Lion," katanya dalam sidang akhbar selepas merasmikan Kilang Beam & Section milik Perwaja Steel, di Kompleks Perwaja Gurun di sini, hari ini.

Pengumuman pakej penswastaan Perwaja Steel oleh Perdana Menteri itu menamatkan spekulasi mengenai siapa yang akan diberi tanggungjawab untuk memulihkan syarikat besi keluli terbesar negara itu.

Sebelum ini, wujud spekulasi kononnya Kumpulan Lion enggan menyertai program penswastaan itu kerana tidak diberikan pegangan ekuiti majoriti. Kumpulan Lion dikatakan mahu memiliki kepentingan majoriti bagi memastikan ia mampu menentukan arah hala syarikat itu selepas membuat pelaburan di dalamnya.

Penganalisis menganggarkan usaha menyelamatkan Perwaja Steel, yang kini dibebani hutang dan tanggungan jangka panjang hampir RM10 bilion, memerlukan suntikan dana baru berjumlah di antara RM1 bilion dan RM2 bilion oleh pemegang sahamnya.

Bagaimanapun, bagi mengurangkan bebanan kewangan pihak yang terbabit dengan penswastaan itu, kerajaan mengumumkan kesediaan untuk menyerap kerugian dan tanggungan jangka panjang Perwaja Steel, sekali gus membolehkannya beroperasi pada asas bersih.

Dr Mahathir berkata, Kumpulan Lion sebenarnya tidak pernah menarik diri daripada tawaran awal kerajaan supaya terbabit dalam penswastaan Perwaja Steel, sebaliknya terus mengadakan perbincangan lanjut dari semasa ke semasa mengenai peranan dan tanggungjawab mereka dalam projek itu.

"Kini kumpulan itu sudah menyatakan minat untuk menyertai pakej penswastaan ini dan saya harap mereka akan terus kekal," katanya. Difahamkan, keempat-empat pemegang saham itu akan menandatangani perjanjian di Kuala Lumpur pada 16 Mei ini.

Sebelum itu, Perdana Menteri menyaksikan upacara menandatangani Perjanjian Steel Technology Centre (STC) di antara Perwaja Steel dan Universiti Teknologi Malaysia (UTM).

STC ditubuhkan untuk mempromosi penggunaan keluli secara berkesan dalam industri pembinaan dan pembuatan di Malaysia dan rantau Asia.

Turut hadir ialah Menteri Besar Kedah, Datuk Seri Sanusi Junid; Pengerusi Perwaja, Tan Sri Zainal Abidin Sulong; Pengerusi Jawatankuasa Pengurusan Eksekutif Perwaja Steel, Abu Sahid Mohamed; dan Ketua Eksekutif Perwaja Steel, Abu Talib Mohamed.

Ditanya sama ada Kumpulan Lion akan menyertai pengurusan Perwaja Steel,

Dr Mahathir berkata, ia terpulang kepada semua rakan kongsi baru untuk membuat keputusan.

Mengenai nilai sebenar tanggungan kerajaan berikutan keputusannya menanggung semua hutang dan kerugian Perwaja, Perdana Menteri berkata hutang sebenar yang akan ditanggung kerajaan hanya RM3 bilion.

"Saya berpendapat Perwaja mempunyai masa depan yang baik kerana pemegang sahamnya bebas daripada tanggungan hutang dan bermula sebagai syarikat baru.

"Ini berbeza dengan zaman Eric Chia kerana ketika itu dia mengurus Perwaja bagi pihak kerajaan, manakala Maju sebagai pemegang saham terbesar terpaksa menentukan hala tuju sendiri sama ada mahu untung atau rugi.

"Aspek paling penting yang perlu diberi keutamaan oleh Maju dan rakan kongsi mereka untuk memulih dan menyelamatkan Perwaja Steel ialah memperketatkan sistem pengurusan," katanya.

Ditanya keupayaan Maju yang dilaporkan berjaya mengurangkan kerugian bulanan Perwaja Steel daripada RM40 juta sebelum ini kepada hanya RM10 juta sebulan, Perdana Menteri berkata, Maju percaya dapat mengatasi kerugian itu kerana sebagai pemegang saham terbesar, sudah tentu mereka tidak mahu kerugian RM1 juta setiap tiga hari.

Ditanya mengapa Kerajaan Kedah tidak menyertai pakej penswastan itu, Dr Mahathir secara berseloroh berkata, ia tidak mempunyai wang.

(END)